

11/09/1999

Ke arah mempertingkatkan daya saing usahawan Bumiputera

SOALAN: Bolehkah Datuk Seri menjelaskan mengenai cara yang berkesan menguruskan perniagaan?

DR MAHATHIR: Kita mempunyai banyak pengalaman tetapi tidak menggunakan pengalaman itu sama ada baik atau pun buruk untuk memperbaiki kelemahan kita. Kita fikir satu cara yang baik kita ada kursus sepanjang masa. Kita rasa kita sudah cekap dalam berniaga. Sebenarnya semua peniaga, semua pengurus perlu mendengar pendapat semasa dalam seminar dan ada yang pergi ke (Universiti) Harvard mengikuti kursus perniagaan kerana pelajaran mengenai pengurusan ini tidak boleh tamat sampai bila-bila. Pengurusan berubah sepanjang masa. Sebab itu saya fikir kalau kita boleh adakan kursus tertentu yang ditumpukan kepada kelemahan ini, mungkin ada baiknya.

Mungkin kita adakan kajian tertentu. Satu daripada Bumiputera dan bukan Bumiputera dan kita dengar masalah dan pengalaman mereka dan kita tentukan di mana Bumiputera buat salah dan bukan Bumiputera buat salah yang menggagalkan mereka. Saya fikir ini akan memberi banyak fadiah kepada peniaga. Oleh itu kita perlu adakan kursus tetap kepada siapa saja untuk mengikutinya agar tentukan kelemahan ini dapat diatasi.